

GST tidak bebaskan rakyat, harga jadi lebih kompetitif, kata Jakim
Malaysian Insider
11 Apr, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yakin bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan kerajaan pada April tahun hadapan tidak akan membebaskan rakyat malah menjadikan harga barangan akan menjadi lebih kompetitif.

Pandangan itu disampaikan kepada hadirin dalam khutbah Jumaat hari ini bagi meminta umat Islam memberikan sokongan kepada cukai baru yang akan diperkenalkan kerajaan itu menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

“Sebagaimana yang kita ketahui, pihak pemerintah sedang memperkenalkan GST di mana rakyat akan menikmati harga lebih kompetitif untuk pelbagai jenis barangan.

“Pelaksanaan ini tidak akan membebaskan rakyat kerana ia merupakan satu kaedah penyusunan sistem percukaian negara supaya lebih berkesan, saksama, telus serta dapat mengelak berlakunya cukai yang terselindung dan bertindih,” katanya dalam khutbah hari ini yang bertajuk “Memperkasa Ekonomi Ummah”.

Rang Undang-Undang GST diluluskan Dewan Rakyat dengan sokongan 118 ahli parlimen pada Isnin meskipun mendapat kecaman pelbagai pihak.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semasa membentangkan Bajet 2014 mengumumkan GST akan diperkenalkan pada kadar 6% dan beberapa barangan makanan seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak dan lain-lain turut dikecualikan daripada cukai itu.

Jakim berkata GST merupakan cukai yang memberi keadilan dan ihsan kepada rakyat selain dapat memperteguh ekonomi negara.

Katanya, umat Islam sewajarnya mencari maklumat yang tepat berhubung GST kerana cukai sedemikian tidak akan memudaratkan.

“Marilah sidang jemaah sekalian, kita tarik nafas kebijaksanaan, kita cari informasi yang sebenar. Mimbar amat yakin bahawa pelaksanaan ini berdasarkan semangat Islam yang berpandukan panduan prinsip al-adl wal ihsan (keadilan dan ihsan).

“Amalan yang berasaskan prinsip ini akan sentiasa mengingatkan balasan daripada Allah di atas setiap kesalahan seperti memonopoli kekayaan, melakukan penyelewengan atau perkara yang menzalimi dan merugikan pihak tertentu,” katanya.

Jakim turut menyeru umat Islam agar memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan dalam melaksanakan GST agar ia dapat dijalankan secara serius dan teratur.

Katanya, menjelang pelaksanaan GST pada tahun hadapan, rakyat perlu berjimat-cermat dan berbelanja mengikut kemampuan.

“Mimbar menyeru kepada umat Islam sekalian, agar berbelanja mengikut keutamaan dan mengikut kemampuan. Berbelanjalah apa yang kita perlu, bukan apa yang kita mahu.

“Janganlah membazir, sentiasa sabar untuk mengawal nafsu agar berbelanja secara berhemah. Hidup sentiasa seimbang iaitu bersederhana dalam semua perkara,” katanya.

Jakim turut menyifatkan keputusan yang dibuat kerajaan untuk melaksanakan GST satu keputusan tepat demi kesejahteraan rakyat.

Katanya, Islam sendiri tidak melarang pemerintah mengambil harta rakyat melalui sistem percukaian.

“Mimbar berkeyakinan bahawa pemerintah yang bertanggungjawab akan sentiasa memilih jalan pertengahan iaitu bersederhana untuk mengimbangi antara keperluan jangka pendek dan jangka panjang demi untuk kesejahteraan rakyat secara berterusan.

“Mimbar ingin menyatakan bahawa pengambilan harta melalui sistem percukaian adalah dibenarkan oleh syarak yang dipungut oleh pemerintah.

Ahli Parlimen PAS Datuk Mahfuz Omar menyifatkan GST sebagai satu hukuman kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada golongan miskin kerana hanya barangan keperluan asas yang dikecualikan daripada cukai berkenaan.

Katanya, kerajaan seharusnya memikirkan bagaimana cara alternatif bagi memberikan penyelesaian kepada rakyat.

“Jelas ahli parlimen BN tidak prihatin terhadap keperluan rakyat kesan pelaksanaan GST. Hujah mereka orang miskin tidak terkena. Maknanya orang miskin hanya itulah layaknya.

“Kerajaan tak fikir cara untuk meningkatkan pendapatan rakyat bagi mereka mendapatkan barangan yang lebih baik untuk kehidupan,” katanya kepada The Malaysian Insider. – 11 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gst-tidak-bebankan-rakyat-harga-jadi-lebih-kompetitif-kata-jakim>